


50 pelajar SMK Kanibongan sertai program pembudayaan STEM



SERONOK: Pelajar melahirkan rasa seronok dan menyukai STEM berdasarkan temu bual bersama fasilitator selepas program.



REKA BENTUK: Kumpulan pelajar tekun menghasilkan reka bentuk rumah era 2070 yang sesuai ketika menghadapi musim banjir.



SERAH: Dr. Sofiah (kiri) diiringi Elsie menyampai sijil penghargaan kepada wakil pengetua SMK Kanibongan, Jopilin Mongimbal.



MOTIVASI: Dr Sopiah diiringi Elsie (kanan) menyampaikan hadiah galakan dan motivasi kepada salah seorang ketua kumpulan peserta program pembudayaan STEM.



JUMPA LAGI: Peserta program pembudayaan STEM di SMK Kanibongan, Pitas bergambar kenangan bersama Dr. Sofiah (tengah), guru-guru serta fasilitator program.

UB 10.11.2019 6

PITAS: Seramai 50 pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kanibongan di sini telah mengambil bahagian dalam Program Pembudayaan Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) di sekolah berkenaan, baru-baru ini.

Program tersebut dianjurkan oleh pelajar Pascasiswazah Program Ijazah Sarjana Pendidikan gabungan program Pendidikan Sains (Semester 2), TESL dan Komputer dalam Pendidikan (Semester 3), Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kota Kinabalu.

Objektif utama program itu adalah untuk meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah, kreativiti, inovatif dan berfikir masa hadapan dalam kalangan pelajar luar bandar melalui aktiviti mereka cipta berasaskan konsep STEM.

Program dilaksanakan di bawah seliaan sepenuhnya oleh Prof. Madya Dr. Siew Nyet Moi @ Sopiah Abdullah dan dibantu oleh Pengarah Program, Elnie Henry Yapalai dan Penolong Pengarah, Aloysia Sang Oi Kang.


Pelajar pascasiswazah bertindak sebagai pelaksana, fasilitator dan penilai kepada dua aktiviti STEM yang dilaksanakan dan para pelajar dibahagi kepada 10 kumpulan dan setiap kumpulan dibimbing oleh dua orang fasilitator.

Sebelum bermulanya program STEM, para pelajar ditunjukkan gambar-gambar rumah dan kereta masa hadapan oleh Angielyn dan aktiviti STEM dimulakan dengan situasi berkisar tentang masalah banjir dan jalan raya berlubang yang dihadapi oleh para penduduk di daerah Pitas.

Sofiah berkata, pelajar diminta untuk berbincang dalam kumpulan berlima bagi menghasilkan prototaip rumah dan kereta masa hadapan yang dapat menyelesaikan masalah tersebut.

Para fasilitator membimbing pelajar menjawab soalan-soalan dalam Misi 1 menggunakan peta roda pemikiran dan seterusnya dalam Misi 2, pelajar melakar reka bentuk rumah dan kereta masa hadapan yang dapat menyelesaikan masalah penduduk, sesuai dengan era tahun 2070.

"Dalam Misi 3 pula, pelajar diminta membina prototaip rumah dan kereta masa hadapan dan seterusnya membentangkan prototaip dan lakaran di hadapan panel penilai untuk dipertandingkan antara kumpulan," ujar Dr. Sofiah sambil menjelaskan bahawa aktiviti tersebut menggunakan bahan-bahan mudah, terbuang atau kitar semula seperti kertas kad manila, kertas kotak, surat khabar, botol plastik, bekas telur dan sebagainya.



RUMAH 2070: Prototaip kereta dan rumah yang direka bentuk berdasarkan jangkaan keperluan era tahun 2070 yang sesuai untuk penduduk Pitas dalam menghadapi banjir.

Beliau menambah, berdasarkan temu bual yang berlangsung antara fasilitator bersama para pelajar, didapati semua pelajar berasa seronok dan suka (enjoy) mengikuti aktiviti dalam program STEM. Katanya, pelajar merasakan aktiviti STEM membantu mereka untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Ini adalah kerana mereka perlu mencuba dan menjana idea untuk menghasilkan rekaan masa hadapan bagi menyelesaikan masalah dihadapi penduduk kampung.

Menurutnya, para pelajar mengakui banyak perkara baharu telah dipelajari dan mereka sangat berbangga dengan diri mereka kerana dapat menghasilkan prototaip masa hadapan untuk membantu masyarakat setempat.

"Mungkin suatu hari nanti, saya dapat membina rumah masa hadapan yang dapat menolong orang-orang di Pitas menghadapi situasi banjir," kata salah seorang peserta yang mewakili rakan-rakan peserta program ketika meluahkan isi hati dan harapan mereka.

Program Pembudayaan STEM di SMK Kanibongan diakhiri dengan penyampaian ucapan terima kasih dan

penghargaan oleh pengarah program, Elnie Henry Yapalai kepada semua pihak yang terlibat membantu menjayakan program tersebut.

Elnie merumuskan bahawa pelajar aliran sastera juga mampu menghasilkan prototaip berkonsepkan STEM dan berharap para pelajar akan untuk terus meminati dan memilih subjek STEM semasa melanjutkan pengajian di universiti atau kolej nanti.

Pada majlis penutupan program itu, Dr. Sopiah Abdullah mewakili Dekan FPP UMS, Prof. Dr. Ismail Ibrahim menyampaikan cenderamata penghargaan kepada pihak SMK Kanibongan yang diwakili oleh Jopilin Mongimbal selaku Penolong Kanan SMK Kanibongan, Pitas.

Pihak SMK Kanibongan juga turut menyampaikan sijil penghargaan kepada Dr. Sopiah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas usaha dan penglibatan para pelajar dalam pelaksanaan Program Pembudayaan STEM di sekolah tersebut dan setiap kumpulan menerima hadiah bagi dua aktiviti yang dipertandingkan. — Artikel sumbangan Salman Abadi.